

# UMNO K. Pasu: Dr. M menang tanpa tanding

ALOR SETAR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu tahun 1980/82.

Demikian menurut seorang jurucakap UMNO bahagian itu hari ini.

Belliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir menang tanpa bertanding bagi kali kedua sejak belliau menjadi ketua bahagian itu tahun 1978.

Menurutnya, Ahli Exco Negeri, Datuk Haji Othman bin Aroff juga menang tanpa bertanding bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian.

Bagaimanapun, katanya, empat orang tokoh akan bertanding merebut jawatan Naib Ketua bahagian itu dalam mesyuarat perwakilan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Hamid, Jenan Jitra pada 23 Mei depan.

Mereka ialah Ahli Dewan Negeri Kawasan Tunjang, Haji Hanafi Ramli, Encik Abu Bakar Hassan, Encik Shuib bin Endut dan Encik Hussain bin Ahmad.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir akan merasmikan mesyuarat itu.

Sementara itu, mesyuarat perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kubang Pasu akan berlangsung di Sekolah Kebangsaan Jitra pada 9 Mei.

Dua calon akan bertanding merebut jawatan ketua bahagian itu. Ketua Pergerakan Wanita bahagian itu, Cikgu Rahmah Ishak akan ditentang oleh Adun kawasan Kuala Nerang, Hajjah Azizah Haji Taib.

Tiga calon, Datin Azizah hHji Abdul Hamid, Cik Saleha binti Ahmad dan Cik Zainab binti Saad akan bertanding merebut jawatan Naib Ketua.